



Fail: (4) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39

Tarikh: 26 Mac 2012

SIARAN MEDIA

10 PBT UNGGULI SISTEM *STAR RATING* PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) 2010/2011 DAN PENYERAHAN GERAN TAHUNAN DAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK) NEGERI SARAWAK

KUCHING, 26 Mac – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini mengumumkan keputusan *Star Rating* PBT dan menyampaikan Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) kepada PBT Negeri Sarawak di majlis Makan Malam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) Tahun 2012 pada hari ini.

JPPBT ini adakan setiap tahun oleh KPKT dengan kerjasama Negeri tuan rumah. Mesyuarat ini melibatkan Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Pengerusi PBT seluruh negara serta wakil Kerajaan Negeri dan agensi pusat yang berkaitan. KPKT telah melaksanakan Sistem Star Rating PBT (SSR-PBT) bermula pada tahun 2008 melalui 352 indikator penilaian yang dibangunkan berdasarkan 4 bidang utama iaitu pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti dan pandangan penduduk (penglibatan Komuniti dan pandangan Penduduk – Borang Soal Selidik).

Proses penggredan SSR-PBT 2010/2011 dilaksanakan bermula pada 28 September 2010 sehingga 21 Oktober 2010 melibatkan 25 PBT Semenanjung Malaysia. Seterusnya proses penggredan diteruskan ke atas baki 73 PBT di Semenanjung Malaysia pada 11 Januari 2011 sehingga 23 Jun 2011. Proses penggredan SSR-PBT 2010/2011 telah menggunakan 354 indikator baru yang disemak semula oleh KPKT dan dipersetujui dalam Mesyuarat MNKT Ke-63 pada 2 September 2010.

Hasil penggredan SSR-PBT 2010/2011, jumlah PBT mengikut taraf bintang yang berjaya diperolehi adalah seperti berikut

Taraf	Dewan/ Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah	Jumlah
5 Bintang	-	-	-	-
4 Bintang	6	15	-	21
3 Bintang	2	16	31	49
2 Bintang	-	2	24	26
1 Bintang	-	-	2	2
Jumlah				98

Sebanyak 51 PBT (52.0%) telah berjaya meningkatkan taraf bintang, 44 PBT (44.9%) mengekalkan taraf bintang sedia ada dan 3 PBT (3.1%) memperoleh taraf bintang yang lebih rendah berbanding pencapaian tahun 2008/2009. Jumlah PBT yang memperoleh taraf 1 Bintang telah menurun sebanyak 86.7%, iaitu daripada 15 PBT kepada hanya 2 PBT. Jumlah PBT yang memperoleh taraf 2 Bintang juga telah menurun sebanyak 40.9%, iaitu daripada 44 PBT kepada hanya 26 PBT. Peratusan PBT yang memperoleh taraf 3 Bintang telah meningkatkan sebanyak 88.5%, iaitu daripada 26 PBT kepada 49 PBT manakala bagi taraf 4 Bintang, peratusan PBT juga telah meningkatkan sebanyak 61.5%, iaitu daripada 13 PBT kepada 21 PBT.

GERAN TAHUNAN DAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

SMK merupakan pemberian Kerajaan Persekutuan bagi menggantikan cukai ke atas harta atau bangunan Kerajaan Persekutuan yang berada di kawasan PBT. Pemberian tersebut adalah berdasarkan Artikel 156 Perlembagaan Persekutuan. Pada tahun 2012 sebanyak RM8,358,653 telah diperuntukkan bagi tujuan pembayaran SMK kepada PBT di Sarawak. Geran Tahunan pula merupakan salah satu pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Pemberian tersebut adalah berdasarkan Akta Pemberian Kepada Negeri (Penyelenggaraan Pihak - Pihak berkuasa Tempatan) 1981- Akta 245. Pemberian Geran Tahunan adalah dibuat di bawah peruntukan Perkara 109(3) Perlembagaan Persekutuan. Ianya juga merupakan pemberian yang bertujuan untuk membantu urus tadbir Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi tahun 2012, Kementerian Kewangan telah meluluskan RM28,298,990 bagi bayaran PBT di Sarawak.

**JUMLAH PEMBERIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEPADA PBT DI SARAWAK BAGI TAHUN 2012**

Bil	PBT	GERAN TAHUNAN (RM)	SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK) (RM)
1	DB Kuching Utara	1,775,777.00	1,439,803.00
2	MB Kuching Selatan	1,886,040.00	2,190,069.00
3	MB Miri	2,032,509.00	772,607.00
4	MP Sibul	2,011,541.00	629,159.00
5	MP Padawan	2,314,251.00	870,430.00
6	MD Bau	716,486.00	83,960.00
7	MD Lundu	534,137.00	62,146.00
8	MD Samarahan	1,013,951.00	190,714.00
9	MD Simunjan	647,214.00	24,658.00
10	MD Serian	1,171,849.00	108,617.00
11	MD Sri Aman	949,770.00	176,953.00
12	MD Lubok Antu	445,509.00	34,897.00
13	MD Betong	912,078.00	104,937.00
14	MD Saratok	712,411.00	80,511.00
15	MD Luar Bandar Sibul	936,527.00	196,361.00
16	MD Kanowit	520,894.00	54,318.00
17	MD Dalat Dan Mukah	998,982.00	151,477.00
18	MD Matu Dan Daro	499,509.00	38,469.00
19	MD Marudi	1,081,184.00	84,081.00
20	MD Subis	766,403.00	21,257.00
21	MD Limbang	687,962.00	275,800.00
22	MD Lawas	611,559.00	47,542.00
23	MD Sarikei	895,779.00	135,571.00
24	MD Maradong dan Julau	612,578.00	76,798.00
25	MD Kapit	1,418,377.00	142,621.00
26	Lembaga Kemajuan Bintulu	2,145,713.00	364,897.00
	Jumlah	28,298,990.00	8,358,653.00

PERTANDINGAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2011

Pertandingan anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini adalah merupakan antara kegiatan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 yang bermula pada 1 hingga 17 Oktober 2011. Bagi Pertandingan Papan Iklan Luar, ia terbuka kepada semua PBT manakala bagi Pertandingan Ceria Bahasa PBT, ia terbahagi kepada **2 kategori** iaitu kategori PBT bertaraf Bandaraya/Perbandaran dan PBT bertaraf Daerah. Panel Penilai bagi kedua-dua pertandingan ini terdiri daripada wakil Jabatan Kerajaan Tempatan, wakil Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), wakil Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan wakil Persatuan Pengusaha Iklan Luar. Bagi pertandingan papan iklan luar PBT pemenang adalah:

Tempat pertama - Majlis Perbandaran Kota Bharu

Tempat kedua - Majlis Bandaraya Shah Alam

Tempat ketiga - Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

Bagi pertandingan Papan Ceria Bahasa kategori PBT bertaraf Bandaraya/Perbandaran pemenang adalah:

Tempat pertama - Majlis Perbandaran Teluk Intan

Tempat kedua - Majlis Perbandaran Kota Bharu

Tempat ketiga - Majlis Perbandaran Alor Gajah

Bagi pertandingan Papan Ceria Bahasa kategori PBT bertaraf Daerah pula, tiada penyertaan yang layak untuk tempat pertama hingga ketiga. Hadiah penghargaan kepada Majlis Daerah Lundu, Sarawak berdasarkan usaha yang ditunjukkan oleh PBT berkenaan dalam memartabatkan bahasa kebangsaan di kawasan pentadbiran PBT berkenaan walaupun masih terdapat penggunaan bahasa di borang-borang, risalah dan brosur di PBT berkenaan yang bercampur adukkan bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris.

Anugerah ini disampaikan di majlis makan malam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) Tahun 2012 yang dianjurkan. Di samping itu, 11 kertas kerja dibentangkan dalam Mesyuarat JPPBT kali ini. Daripada 11 kertas yang dibentangkan, 3 kertas iaitu Garis Panduan Perancangan

Tadika dan Taska, Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 dan Garis Panduan Pengenalpastian dan Pembangunan Semula Kawasan Brownfield adalah kertas kerja yang diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-65 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 21 Mac 2012.

Mesyuarat JPPBT adalah berperanan sebagai forum dan landasan untuk Kementerian menyampaikan dasar-dasar terkini kerajaan yang berkaitan dengan PBT di samping membolehkan ahli mesyuarat bertukar-tukar pandangan dan idea bagi memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan PBT kepada rakyat. Turut hadir di majlis ini ialah Ketua Setiausaha KPKT, Yang Dipertua Majlis-Majlis, Datuk-Datuk Bandar, Pegawai Kanan KPKT dan Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Sarawak.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my